

MAHATHIR-TANDING

1984

SEREMBAN, 4 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD TIDAK MAHU PEMILIHAN UMNO PADA 25 MEI INI DIJADIKAN GELANGGANG BAGI TOKOH-TOKOH MENDAPYKAN YEMPAY AYAU HEMPERYAHANKAN KEUDUKAN MEREKA DENGAN ALASAN YANPA PENYERYAAN MEREKA, PARTI TIDAK BOLEH BERGERAK.

PERDANA MENYERI BERKATA TOKOH-TOKOH UMNO TERUTAMA YANG VETERAN DAN BERUMUR HENOAKLAH JANGAN +CURIGA DAN RASA TAKUT+ OENCAN PERKEMBANGAN PARTI YANG MEMBERI TEMPAY KEPADA GOLONGAN MUDA LALU MENYERTAI PERTANDINGAN AYAS DORONGAN NAFSU UNTUK MEMPERTAHANKAN KEUDUKAN MEREKA.

+KITAMESTI DENGAN SENDIRINYA SEDAR UNTUK MENGUNDURKAN DIRI BILA TIBA MASANYA. TIDAK SIAPAPUN BOLEH MENGGANGAP- YANPA DIRINYA, UNTUK YIDAK BOLEH BERGERAK DAN BERJALAN+, YEGASNYA SEMASA MERASMIKAN BANGUNAN UMNO NEGERI SEMBILAN YANG BERHARGA \$4.6 JYA DI JALAN TUAN SHEIKH DI SINI.

KENYATAAN ITU JELAS DITUJUKAN KEPADA NAIB PRESIDEN UMNO, DATUK HARUN IDRIS YANG TELAH MENGUMUMKAN KEPUTUSANNYA UNTUK BERTANDING MEREbut JAWATAN TIMBALAN PRESIDEN DALAM PEMILIHAN AKAN DATANG DENGAN ALASAN UNTUK MENYELAMATKAN UMNO DARI PERPECAHAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YAKIN PEMIMPIN GENERASI MUDA AK/AN JUGA DAPAY MEMIMPIN UMNO DENGAN JAYANYA DIMASA AKAN DAYANG..

--LAGI 1440/AN

MAHATHIR-TANDING 2 SEREMBAN

+UMNO BOLEH BERGERAK DENGAN MAJUNYA SUNGUHPUN SEMUA PEMIMPIN YANG ADA SEKARANG SUDAH YIDAK LAGE MEMIMPIN PARTI+, YEGASNYA DISAMBUT DENGAN TEPUKANG GEMURUH PARA HADIRIN YANG TERDIRI DARI MENTERI KABINET, PARA MENTERI BESAR DAN BEBERAPA ORANG TOKOH VETERAN UMNO.

PRESIDEN UMNO ITU MENGINGATKAN YANG PENYINGNYA IALAH SUPAYA PRINSIP DAN PERJUANGAN PARTI DISAMPAIKAN KEPADA GOLONGAN MUDA AGAR APABILA MEREKA MENGAMBIL ALIH, UMNO TIDAK BERUBAH CORAK MENJADI PARTI YANG JAUH BERBEZA DARI PARTI YANG MENGUBAH NASIB ORANG-ORANG MELAYU.

+MINAT GOLONGAN MUDA DALAM UMNO HARUS DIALU-ALUKAN DAN DISANJUNG TINGGI DAN DENGAN BERTAMBAHNYA GOLONGAN INS MENDAPAT TEMPAT OALAM PARTI, MEREKA YANG BERUMUR TIDAK HARUS CURIGA DAN RASA TAKUT+.

+OLEH ITU SAYA HARAP PIHAK-PIHAK YANG INGIN BERYANDXNG HENDAKLAH MEMIKIRKAN AGAR TUJUAN PERTANDINGAN TIDAK KERANA KEINGINAN HENDAPYKAN TEMPAY AYAU MEMPERTAHANKAN KEUDUKAN DALAM PARTI+, TAMBAHNYA.

OAYUK SERI DR. MAHATHIR MENERANGKAN KEUTAMAAN HENOAKLAH DIBERIKAN UNTUK MEMPERYAHANKAN KEUDUKAN ORANG MELAYU DAN MENJAGA KEAMANAN OAN KESEJAHTERAAN SEMUA RAKYAT DI NEGARA INI.

+INILAH TUGAS UMNO DAN YIDAK HARUS DILUPAKAN YUGAS INI SUNGUHPUN KITA MENDAPAT YEMPAY ISTIMEWA DALAM PARTI+.

--LAGI 1445/AN

NNNN

DALAM UCAPAN KIRA-KIRA SETENGAH JAM ITU, PERDANA MENTERI TELAH:  
+MENYEBUT TENTANG UNSUR TIDAK SPHAT DALAM KEMPEN UNTUK MENGHADAPIL  
PEMILIHAN:

- +MEMINTA ANGGOTA UMNO SUPAYA KURANGKAN BERKEMPEN VAN
- + MEMINTA YANG KALAH MENYOKONG YANG MENANG DALAM PERTANDINGAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MERAYU ANGGOTA UMNO SUPAYA MENYOKONG  
PARTI DAN TIDAK MENYOKONG ORANG-ORANG TERTENTU UNTUK MENDAPATKAN  
TEMPAT DENGAN HARAPAN YANG MENANG DAPAT PULA MEMBANTU MEREKA.

OLEH LITU BELIAU BERHARAP MEREKA JANGAN MEMBUAT UGUTAN SUPAYA  
TOKOH YANG INGIN BERTANDING +DATANG KEPADA SAYA JIKA HENDAK  
MENDAPAT UNDI+.

KATANYA PERBUATANITU KELAK AKAN MENAKUTKAN CALON-CALON SEHINGA  
MEMBUATKAN MEREKA MENGELUARKAN JANJI-JANJI DAN JAMXNAN YANG TLDK  
HARUS DIBUAT.

PERDANA MENTERI JUGA BERHARAP MEREKA YANG KALAH DALAM PERTANDINGAN  
SUPAYA MENERLMA KEKALAHAN DENGAN HATI YANG LAPANG DAN MEMBERI  
SOKONGAN KEPADA YANG MENANG.

MAHATHIR-TANDING 4 KUALA LUMPUR

+SAYA KESAL KERANA KADANGKALA, SESAAT LEPAS PEMILIHAN DIBUAT,  
YANG KALAH TIDAK MENERIMA KEPUTUSAN DENGAN HATS LAPANG DAN SEBALIK-  
NYA MENGATUR RANCANGAN UNTUK PEMILIHAN TIGATAHUN AKAN DATANG.

+DALAM TIGATAHUNITU TIDAK ADA KERJA LAIN, CUMA MENENTUKAN  
DALAM PEMILIHAN AKAN DATANG, PARA PENYOKONG SI-POLAN-SI-POLAN INS  
MESTI MENENTUKAN KEMENANGAN ORANG PILIHANNYA+.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENINGATKAN PERTANDINGAN MENENTUKAN  
PUCUK PIMPINAN DIPILIH TETAPI BUKANLAH UNTUK MENENTUKAN ORANG  
TERTENTU ITU MENANG.

TEGASNYA, SEMUA TOKOH H A R U S INGAT BAHAWA PEMILIHAN TERLETAK  
PADABAHU ANGGOTA UMNO DAN MEREKA MENENTUKANSIAPA YANG HENDAK  
DIPILIH BERASAKAN PERKHIDMATAN YANG DIBERIKAN SEPANJANG MEREKA  
MEMIKUL TANGGUNGJAWAB.

+SAYA YAKIN JLKA MEREKA MEMBERIKAN PERKHIDMATAN YANG BAIK, KITA  
AKAN DAPAT KEMENANGAN TETAPI JIKA PERKHPDMATANKITA TIDAK BAIK, SUDAH  
TENTU KITA KALAH+.

BELIAU BERHARAP MEREKA YANG TELAH MENDAPAT KESENANGAN ATAU  
KEKAYAAN MENERUSI UMNO SUPAYA MEMBERIKAN BANTUAN DAN SOKONGAN KEPADA  
PARTI DAN TIDAK MENGGUNAKANNYA UNTUK KEDUDUKAN SENDIRI ATAU CUMA  
ORANG-ORANG TERTENTU..

PERDANA MENTERI PERCAYA JIKA AMALANITU DIPRAKTIKKAN, UMNO AKAN  
TERUS MENJADX PARTI POLITIK YANG KUKUH DAN TERUS MENJADP PARTI-  
Pemerintah dan Tunjang Rakyat Negara ini.

--EERNAMA 1301/AN